



**LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN
RABU 2 OGOS 2023**

BIL	TAJUK KERATAN AKHBAR	KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI
1. 2.	PENGUSAHA IKAN SANGKAR RUGI, NEGERI PAHANG, SH-27 GRADUAN IT PILIH TERNAK IKA, LOCAL, HM-11	JABATAN PERIKANAN MALAYSIA (DOF)
3. 4.	HARGA AYAM TURUN, JUAL TETAP SAMA, NEGARA, KOSMO-16 HARGA TIDAK MENENTU, PEMBELI PILIH BELI AYAM, SAYUR, NEGARA, KOSMO-16	LAIN-LAIN

UKK KPKM

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN
(UNTUK EDARAN DALAMAN KPKM, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
2/8/2023	SINAR HARIAN	NEGERI PAHANG	27

Pengusaha ikan sangkar rugi

Ikan peliharaan mati kekurangan oksigen, Sungai Pahang terlalu surut

Oleh ROSILAWATI ROSEDI
MARAN

Pengusaha ikan sangkar di Chenor, di sini bantu apabila kebanyakan ikan patin dan tilapia dalam sangkar mereka mati akibat paras Sungai Pahang yang semakin cetek.

Situasi tersebut bukan sahaja menjejaskan pengusaha-pengusaha ikan sangkar di sungai itu bahkan nelayan darat turut terjejas selepas banyak ikan mati akibat kekurangan oksigen apabila air semakin surut.

Faktor cuaca panas dan tiada taburan hujan yang banyak dari kawasan hulu sungai menyebabkan beting pasir terbentuk di beberapa kawasan mereka mencari rezeki.

Seorang pengusaha ikan sangkar di Kampung Tanjung Berangan, Chenor dekat sini, Rosmawati Sulaiman, 41, berkata, situasi itu adalah yang paling teruk dialami mereka selepas air sungai di kawasan sangkar yang diusahakan bersama suaminya semakin surut sejak beberapa bulan lalu.

"Sepanjang duduk di sini, ini paling teruk dan mengejutkan kerana jika diikutkan sangkar ikan yang kami usahakan ini berada di kawasan air paling dalam.

"Setakat ini, ribuan ikan patin dan tilapia sudah mati. Kami terpaksa jual dengan harga murah iaitu RM16 berbanding harga pasaran RM22 sekilogram urut habis ikan yang tinggal sebelum mati," katanya ketika ditemui di sini pada Selasa.

Menurut wanita tersebut, dia terpaksa

menutup operasi buat sementara waktu bagi mengelakkan menanggung kerugian lebih besar dan berkemungkinan akan kembali beroperasi pada November nanti.

Rosmawati dan suaminya yang mula mengusahakan lapan sangkar itu sejak empat tahun lalu mendakwa sudah mengalami kerugian kira-kira RM10,000 setakat ini.

Seorang lagi pengusaha di Kampung Sanding, Jamil Awang Noh, 64, mengakui situasi tersebut paling teruk pernah berlaku sepanjang dia mengusahakan ikan sangkar di kawasan itu sejak 1996 hingga kini.

"Dalam bulan Julai lalu, dah nampak beting pasir, ikutkan saya rasa ini paling teruk sepanjang tinggal di sini dan setakat ini jumlah kerugian dialami kira-kira RM60,000.

"Kita tak boleh jangka keadaan cuaca sekarang. Pada Ogos tahun lepas, saya masukkan benih ikan sebanyak 30,000 ekor tapi separuh daripada jumlah ini mati.

"Bulan lepas masukkan 9,000 ekor semuanya mati dan baru-baru ini masukkan 3,000 ekor tapi kira-kira 1,000 ekor sahaja yang hidup," katanya yang memiliki 35 sangkar di kawasan terbabit.

Dalam pada itu, seorang penduduk, Rosmanira Borthan, 38, ketiadaa hujan punca sungai itu kering.

"Mak saya beritahu dia belum pernah lihat Sungai Pahang cetek macam ni. Dulu ada juga air di beting, tapi sekarang betul-betul kering," katanya.

Menurutnya, meskipun keadaan cuaca sekarang tidak kemarau seperti dua bulan lalu, namun disebabkan tiada hujan di hulu sungai ia menjadi penyumbang kepada situasi tersebut.

Tambahnya, jika sebelum ini, penduduk masih boleh berkelah dan mandi ber-



Beting pasir timbul selepas air Sungai Pahang semakin surut.



Jamil melihat ikan peliharaannya yang mati dalam sangkar akibat paras Sungai Pahang semakin surut.

hampiran di beting pasir itu, kini mereka tidak lagi dapat menikmati suasana itu.

Sementara itu, Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan dan Keselamatan Kampung (JPKK) Pesagi, Abd Rahim Yaakob memberitahu, fenomena beting pasir yang terbentuk di kampung terbabit adalah kejadi-

an biasa ketika kemarau.

"Cuma saya nak minta penduduk berhati-hati dan tidak pergi berseorangan ke beting pasir kerana bimbang terjerlus, sebab sebelum ini ada kejadian sudah berlaku hingga menyebabkan lemas tahun lalu," jelasnya.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
2/8/2023	HARIAN METRO	LOKAL	27

Graduan IT pilih ternak ikan

Pilih usahakan ikan sangkar atas kesedaran sekuriti makanan serta galakan Perak SADC

2030 PERAK SEJAHTERA

Oleh Muhamad Lokman Khairi
am@hmetro.com.my

Parit

Minat mendalam terhadap bidang penternakan air tawar mendorong Mohd Khalid Ka'ab, 40, yang memiliki Ijazah Sarjana Muda Teknologi Maklumat dari Universiti Teknologi Petronas (UTP) menceburinya secara serius.

Berkongsi pembabitannya dalam bidang itu, beliau berkata, dia mula membeli 20 sangkar ikan air tawar dalam Sungai Perak di Kampung Ekor Lambat, di sini pada penghujung 2018 dan mula beroperasi awal 2019 sewaktu masih berkhidmat di UTP.

Selain Khalid, ada lima lagi pengusaha ikan sangkar di kampung berkenaan.

"Sebelum itu lagi, saya mula bergaul dengan komuniti penternak di kawasan ini kerana membantu mereka membuat kertas kerja bagi memohon bantuan kepada agensi kerajaan berkaitan.

"Antara hasilnya berjaya menarik taraf kawasan berkenaan dengan penurapan jalan tar, pemasangan lampu jalan berteknologi solar



MOHD Khalid mengusahakan sangkar ikan air tawar di Kampung Ekor Lambat, Parit.



ANTARA produk daging lembu dihasilkan syarikat Mohd Khalid.

serta pembinaan landas bot bagi memudahkan urusan harian penternak di Kampung Ekor Lambat.

"Berkat sokongan kuat keluarga dan minat yang tinggi untuk membabitkan diri di

dalam bidang ini, saya melabur RM64,000 bagi tujuan mengambil alih 20 sangkar ingin dijual pemilik lama serta membeli lebih 30,000 benih ikan patin, talapia merah, jelawat dan makanan

ikan untuk semusim.

"Berebalkan itizam serta semangat tinggi, pada tahun lalu, saya membuat keputusan beralih dari bidang profesional kepada bidang ini secara sepenuh masa.

"Pengetahuan soal penternakan ini saya peroleh melalui pertanyaan terus dengan rakan pengusaha berpengalaman," katanya.

Bapa dua anak itu berkata, pembabitannya atas kesedaran kepentingan *food security* seperti disarankan kerajaan negeri pimpinan Menteri Besar, Datuk Seri Saarani Mohamad melalui salah satu *flagship* Perak Sejahtera 2030 iaitu Lembah Bakul Makanan Malaysia (Sekuriti Makanan).

Mohd Khalid berkata, me-

lalui program itu, Perbadanan Pembangunan Pertanian Negeri Perak (SADC) dan Jabatan Perikanan bertindak sebagai peneraju banyak menyalurkan bantuan berupa kemudahan dan input hingga beliau dapat menghasilkan pengeluaran satu hingga 1.5 tan ikan setiap bulan yang dipasarkan kepada pelanggan tetap di dalam dan luar Perak.

"Februari lalu, Perak SADC beri pinjaman RM54,000 menerusi Program Pinjaman Kepada Usahawan yang saya manfaatkan dengan pembelian tong ikan serta baik pulih struktur besi sangkar.

"Jabatan Perikanan beri bantuan makanan ikan tahun lalu dan sediakan lampu solar pada sangkar.

"Antara ancaman yang kami komuniti penternak di sini adalah memerang. Oleh sebab itu bahagian sangkar sentiasa bertutup jaring, manakala dengan adanya lampu membantu mengurangkan kehadiran memerang waktu malam," katanya.

Mengulas mengenai cabaran dihadapi golongan penternak ikan air tawar, Mohd Khalid berkata, isu harga makanan ikan semakin mahal menghantui kemampuan kewangan mereka.

"Pada 2019, harga satu beg pellet 20 kilogram (kg) RM55, tapi sekarang harga mencecah RM80. Sehari saya guna tiga beg. Jadi di situ kita risau jika harga makanan ikan meningkat pastinya menyulitkan kos kami.

"Saya harap Jabatan Perikanan dapat meluluskan bantuan pinjaman supaya kami penternak di Kampung Ekor Lambat dapat beli mesin pembuat makanan ikan dan hasilkan makanan ikan sendiri, sekali gus mengurangkan bebanan kos input perlu ditanggung.

"Masalah kedua, kami hadapi isu benih ikan tidak cukup kerana selain ikan segar, permintaan negeri lain terhadap benih ikan dari hatceri Perak juga tinggi," katanya.

Menurutnya, dua masalah itu penting untuk diselesaikan kerana patin Sungai Perak boleh dijenamakan dan mempunyai potensi lebih besar kerana air Sungai Perak bersih dan berkualiti berbanding tempat lain.

Selain ternakan ikan sangkar, Mohd Khalid terbabit dalam penternakan lembu pelbagai baka di Kampung Serkai Jadi, Tronoh sejak 2020 yang diusahakan bersama seorang rakan kongsi selepas mengikuti Skim Pensijilan Amalan Pertanian Baik Malaysia (MyGAP) yang dilaksanakan Jabatan Pertanian.

Menurutnya, beliau berterima kasih kepada Jabatan Veterinar yang membantu dari segi pemantauan serta penjagaan kesihatan 100 lembu ternakannya sehingga membolehkan dia memasarkan produk seperti daging segar 1kg dan daging salai di bawah jenamanya sendiri, Rajawali Horizon Ventures di kedai sejuk beku sekitar Seri Iskandar.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
2/8/2023	KOSMO	NEGARA	16

Peniaga mendakwa harga murah diperingkat pemborong dan peniaga sahaja

Harga ayam turun, jual tetap sama



HARGA ayam standard mengalami penurunan beberapa kali sejak 5 Julai lalu.

Oleh NOOR HASLIZA NUSI

GEORGE TOWN – Trend penurunan harga ayam segar dikatakan hanya berlaku di peringkat pemborong atau peniaga barangan asas itu sahaja iaitu sekitar RM6.90 hingga RM7 sekilogram sejak 5 Julai lalu.

Sebelum itu harga ayam peringkat itu adalah RM9.20 sekilogram.

Penurunan harga ayam berlaku dipercayai akibat kemasukan bekalan ayam yang banyak dari negara jiran, Thailand.

Perkara itu dimaklumkan sendiri oleh pemborong dan peniaga ayam di pasar awam negeri ini selain mendakwa penurunan harga barangan basah itu sudah berlaku dalam tempoh enam kali sejak awal bulan lalu dan kali terakhir pada Jumaat lalu.

Seorang peniaga ayam di Pasar Awam Chowrasta, Mohamad Nasir Abdul Kalam, 32, berkata, pihaknya mula berlapang dada dengan kadar minima bagi pembelian harga ayam segar di per-

ingkat pemborong dan pengilang.

Menurutnya, penurunan sehingga RM2 ketika ini bagaimanapun hanya membabitkan kumpulan peniaga atau pemborong ayam segar dan bukannya di peringkat pembeli atau pelanggan.

"Memang harga ayam segar turun secara berperingkat iaitu dari 5 Julai diikuti 9, 14, 17, 25 dan kali terakhir pada 28 Julai lalu. Namun ia berlaku bukan di peringkat jualan kepada pelanggan.

"Harga runcit bagi sekilogram ayam segar masih kekal sama mengikut penetapan harga kawalan kerajaan iaitu RM9.40 sekilogram ketika ini. Ada yang menjualnya sehingga RM10.40 sekilogram," katanya kepada Kosmo di sini semalam.

Mohamad Nasir memberitahu, jika benar ada ayam Thailand yang membuatkan harga ayam turun, pihaknya semenangnya lega kerana harga yang mahal sebelum ini sangat membebankan.

"Sejauh mana dakwaan itu, saya tidak pasti tetapi bagi saya ia memang satu kelegaan buat kami sekian lama terbeban dengan harga mahal," ujarnya.

Harga turun mendadak sehingga RM6.90 sekilogram
Ayam tidak laku sebab ramai makan daging

KERATAN Kosmo! semalam.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
2/8/2023	KOSMO	NEGARA	16

Harga tidak menentu, pembeli pilih beli ayam, sayur

KOTA BHARU – Harga sayur-sayuran yang tidak stabil dan kekurangan kuasa beli pelanggan ketika ini menyebabkan banyak bekalan bahan mentah itu tidak dapat dijual sehingga ia perlu dipulangkan semula kepada pembekal.

Keadaan itu menyebabkan rata-rata peniaga Pasar Tani di Melor di sini tidak dapat menjana pendapatan harian secara konsisten sejak beberapa bulan lalu.

Tinjauan Kosmo! di pasar tani itu mendapati, berlaku kenaikan harga beberapa jenis sayur-sayuran antaranya sawi, cili, tomato dan cili hijau.

Seorang peniaga pasar tani, Lijah Muhammad, 59, berkata, setiap pelanggan yang datang un-

tuk membeli sayur-sayuran akan mengeluh kerana harga bahan mentah itu tidak menentu ketika ini.

Katanya, harga sawi naik daripada RM4 kepada RM6 semalam, manakala tomato pula RM8 selepas berlaku kenaikan sebanyak RM2.

“Tidak semua jenis sayur-sayuran naik harga. Ada beberapa jenis bahan mentah itu perlu dinaikkan harga kerana saya memperolehinya pada harga tinggi daripada pemborong.

“Berdasarkan pemerhatian saya, pelanggan ketika ini berkira-kira untuk mengeluarkan wang. Jika sudah beli ikan atau ayam, sayur mereka tak beli dah,” katanya.

Lijah meluahkan masalah itu kepada Wan Rohimi Wan Daud yang merupakan calon Pas bagi Dewan Undangan Negeri (DUN) Melor pada Pilihan Raya Negeri (PRN) Kelantan semasa beliau berkempen di Pasar Tani Melor semalam.

Sementara itu, seorang pelanggan, Azhar Sulaiman, 40, berkata, kos sara hidup ketika ini meningkat dan berharap kerajaan yang menerajui Kelantan selepas ini dapat membantu rakyat.

Menurutnya, dia berharap wakil rakyat yang akan mentadbir Kelantan selepas ini akan terus memberi bantuan khas untuk mengurangkan kos sara hidup rakyat.



WAN ROHIMI (kiri) yang turun berkempen di Pasar Tani Melor, Kota Bharu semalam. – ROHANA MOHD NAWI